

## CIRI-CIRI UTAMA PORTAL

### Laman sekolah rendah:



#### (a) Lawatan ke Lanskap Industri dan Kenali Pekerjaan

- membolehkan penerokaan bagi 23 buah industri di Singapura dan pekerjaan yang berkaitan dengannya. Pangkalan data pekerjaan yang ada membantu para pelajar mengetahui pelbagai jenis pekerjaan menggunakan gambar-gambar dan penerangan mengenai pekerjaan.

#### (b) Mencari Sekolah Kegemaran Anda dan Meneroka Sekolah-sekolah

- membolehkan para pelajar mencari dan membandingkan sekolah menengah menggunakan pelbagai kriteria pencarian.

#### (c) Meneroka Lanskap Pendidikan Singapura

- membantu memberikan kesedaran dan menyediakan bimbingan semasa para pelajar sedang meneliti pelbagai laluan pendidikan dalam sistem pendidikan Singapura

#### (d) Modul Penentuan Matlamat

- membantu pelajar menentukan kedua-kedua matlamat akademik dan yang bukan akademik, membuat refleksi dan mengambil langkah untuk menentukan aktiviti matlamat mereka.

#### (e) ePortfolio

- ialah sebuah repositori bagi penerokaan para pelajar di portal tersebut termasuklah avatar dan peralatan pekerjaan mereka. Ia mempunyai sebuah platform yang dinamakan "Langkah Saya Seterusnya", untuk para pelajar membuat refleksi pilihan sekolah menengah mereka dan merancang bagaimana mereka mahu mencapai matlamat mereka.

## Lelaman Sekolah Menengah dan Praunivesiti:



#### (a) Alat Penilaian Dalam Talian

- membolehkan penilaian kendiri berkaitan minat, kemahiran dan nilai serta dapat menjana profil kerjaya bagi para pelajar.

#### (b) Pangkalan Data Pekerjaan dan Pendidikan

- menyediakan maklumat seperti prasyarat tahap pendidikan, perihal pekerjaan, laluan kerjaya dan julat gaji supaya para pelajar dapat membuat keputusan yang berpengetahuan terhadap aspirasi kerjaya dan pendidikan mereka.

#### (c) Meneroka Lanskap Pendidikan Singapura

- membantu membina kesedaran dan memberi bimbingan serta maklumat yang berguna semasa pelajar meneroka laluan pendidikan yang berbeza dalam sistem Pendidikan Singapura.

#### (d) Modul Perancangan Pendidikan dan Kerjaya

- membantu pelajar merenung, meneroka dan menetapkan matlamat. Ia membantu pelajar untuk mencerna maklumat yang terkumpul semasa proses penerokaan di portal hingga menjadi sebuah perancangan yang akan membawa mereka lebih hampir kepada matlamat mereka.

#### (e) Modul Penentuan Matlamat

- membantu murid untuk menentukan kedua-kedua matlamat akademik dan yang bukan akademik serta mengambil langkah menentukan matlamat mereka. Pelajar juga boleh berkongsi matlamat mereka dengan orang dewasa yang berpengetahuan melalui talian e-mel.

#### (f) ePortfolio

- membolehkan pelajar mengarkibkan keputusan penilaian kendiri, keputusan penilaian akademik, kegiatan kurikulum, perancangan pendidikan dan kerjaya dan bukti kerja dan projek yang boleh menyumbang semasa melengkapkan permohonan untuk melanjutkan pelajaran, biasiswa dan dermasiswa.

## Panduan Pendidikan & Kerjaya

### Memupuk Aspirasi Anak Anda



Khas untuk Ibu Bapa



Ministry of Education  
SINGAPORE

## Pautan dan Sumber yang Berguna

Maklumat tambahan mengenai ECG boleh didapatkan di laman web MOE di:

• <http://moe.gov.sg/education/programmes/social-emotional-learning/education-career-guidance/>

• Anda boleh juga mengetahui lebih lanjut mengenai pelbagai laluan pendidikan bagi anak anda di:

<http://www.moe.gov.sg/education/>



### Apakah jenis kegiatan dan program ECG yang diadakan di sekolah-sekolah?

- Portal ECG – ecareers.sg
- Pembelajaran dan projek ECG
- Pameran Kerjaya
- Lawatan industri/Lawatan ke institusi pendidikan
- Kerja sambil belajar
- 'Membayang' pekerjaan



**ecareers.sg**  
Education & Career Guidance



**ecareers.sg** adalah sebuah laman portal web yang direka bentuk untuk memudahkan pembangunan pendidikan dan kerjaya dalam kalangan para pelajar di Singapura. Laman ini berdasarkan Model Pembangunan ECG dan mengandungi ciri-ciri pembangunan identiti sambil membimbing para pelajar untuk melalui proses kesedaran, pencarian dan perancangan kerjaya.

### Mengapa ECG penting bagi kanak-kanak?

- Untuk memupuk minat kanak-kanak mengejar aspirasi akademik dan kerjaya yang sesuai dengan minat, kebolehan dan nilai mereka.
- Untuk membantu mereka membuat pilihan yang berpengetahuan apabila mereka memilih laluan pendidikan mereka atau mula memasuki alam pekerjaan.
- Mencari kaitan dalam mata pelajaran yang mereka pelajari, lantas menjadi lebih bermotivasi untuk bekerja keras dan cemerlang di sekolah.
- Untuk membantu mereka meneroka impian mereka, mencari laluan pendidikan yang sesuai dan membina kekuatan diri untuk menjadi seorang individu yang yakin diri dan bermotivasi yang bersedia untuk membuat keputusan dan melangkah ke abad ke-21.

### Apa yang boleh dilakukan oleh ibu bapa?

Ibu bapa boleh membantu anak mereka mencapai impian dengan:

#### Mengenal pasti Pilihan:

Anda boleh mulakan dengan memerhatikan kekuatan dan minat anak anda melalui pelbagai kegiatan untuk membantu mereka bekerja dengan orang lain, benda, data atau idea.

#### Menunjukkan Keprihatinan dan Sokongan:

Adalah penting untuk anda mengetahui sejauh mana anda mengambil berat terhadap masa depan mereka dan kesanggupan anda untuk menyokong mereka.

#### Berbincang:

Amalkan perbualan secara kasual dengan anak anda mengenai aspirasi mereka. Berbincang dengan fikiran yang terbuka dan biarkan anak anda bebas untuk meluaskan impian mereka.

#### Meneroka Pekerjaan:

Kenalkan beberapa jenis pekerjaan kepada anak anda dan bantu mereka mengetahui pelbagai jenis pekerjaan dengan lebih lanjut.

#### Menyediakan Peluang:

Sediakan peluang (seperti lawatan ke tempat kerja dan kerja sukarela) dan sumber (seperti buku dan program pengayaan) yang boleh menyokong aspirasi anak anda serta meluaskan pemikiran mereka.

#### Bekerjasama dengan Sekolah:

Berbincang mengenai pendidikan dan masa depan kerjaya anak anda dengan guru-guru mereka. Guru-guru anak anda dapat memberikan panduan pendidikan dan kerjaya dengan baik.

### Adakah ibu bapa boleh mengakses ecareers.sg?



Anak anda mempunyai akaun peribadi apabila mereka berada dalam Darjah 5 hingga ke Prauniversiti. Anda digalakkan untuk melungsur portal tersebut bersama-sama anak anda. Pengalaman ini akan memberi anda peluang yang baik untuk mengenali minat, kebolehan dan aspirasi masa depan mereka.